

Debat latih mahasiswa jadi

SHAH ALAM - Program Debat Bahasa Melayu 211 Jam Tanpa Henti dilihat mampu melatih seseorang itu menjadi seorang pemimpin pada masa hadapan.

Demikian pendapat peserta dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Irhamudin Ibrahim, 21, yang melihat melalui penganjuran program tersebut, ia membina keyakinan diri seseorang, terutamanya apabila berada di hadapan khalayak ramai.

"Kalau ingin menjadi seseorang pemimpin, perlu ada keyakinan diri beserta ilmu pengetahuan yang tinggi.

"Melalui penganjuran debat ini dapat melahirkan pemimpin yang berwibawa," katanya ketika ditemui selepas selesai berdebat pada sidang ke-51 di Anjung Sri Budiman Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini semalam.

Pada sidang tersebut, Muhammad Irhamudin merupakan ahli kumpulan pencadang yang berdebat dengan pembangkang dari universiti yang sama de-



MUHAMMAD Irhamudin (tengah) bersama pada Debat Bahasa Melayu 211 Jam Tanpa Henti di Shah Alam semalam.

ngan tajuk *Pakatan Rakyat Sudah Tidak Relevan*.

Sementara itu, seorang lagi peserta, Anis Sofiah Abd. Razak, 19, dari USIM berkata, bagi menjadi seorang pemimpin, seseorang itu perlu tegas.

"Kebanyakan mahasiswa kini agak malu-malu untuk ke hadapan. Contoh ter-

baik apabila ada pembentangan dalam kelas, mereka takut-takut untuk menerangkan kepada rakan-rakan lain," kata pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa itu.

Program debat anjuran UiTM dengan kerjasama Kumpulan Utusan itu berlangsung selama sembilan hari selama 211 jam tanpa henti hingga 2 Disember depan dan bakal memecahkan rekod *Malaysia Book of Records*.